

# HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK



Pelanggan yang dihormati,  
Helaiian Pendedahan Produk (PDS) ini adalah direka untuk memberikan anda beberapa maklumat penting tentang Insurans Cancer Care 365 anda.

Pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ianya berguna; anda juga patut membacanya.

Tarikh: 01/01/2026

## 1. Apakah Insurans Cancer Care 365?

Insurans Cancer Care 365 menyediakan perlindungan kewangan terhadap kanser yang dilindungi dengan:

- Bayaran indemniti tambahan untuk kanser berkaitan jantina
- Elaun pemulihan
- Elaun perubatan tambahan
- Elaun data mudah alih / internet
- Perlindungan ibu bapa sekiranya anda meninggal dunia akibat kanser yang dilindungi.

## 2. Ketahui Perlindungan Anda

Sebagai ilustrasi, untuk premium RM 70.00 (sebelum Cukai Perkhidmatan dan Duti Setem) setiap tahun, anda akan menerima perlindungan insurans berikut:

Perlindungan:

RM100,000  
Tahap Awal: 30%  
Tahap Kritikal: 100%

Penyakit kritikal yang dilindungi di bawah produk ini termasuk Kanser.

Manfaat lain yang dilindungi di bawah produk ini termasuk:

1. Bayaran Indemniti Tambahan untuk Kanser Berkaitan Jantina - RM50,000
2. Elaun Pemulihan - RM2,000
3. Elaun Perubatan Tambahan - RM1,000
4. Elaun Data Mudah Alih / Internet - RM100
5. Perlindungan Ibu Bapa (bagi Setiap Ibu Bapa yang Masih Hidup) - RM10,000

Insurans Cancer Care 365 anda **tidak melindungi**:

- Penyakit sedia ada
- Penyakit kritikal yang berlaku dalam 30 hari pertama untuk Tahap Kritikal dan 60 hari untuk Tahap Awal
- Penyakit tertentu yang berlaku dalam 120 hari pertama
- Keadaan kongenital, keadaan keturunan
- Perjalanan udara kecuali sebagai penumpang dalam pesawat penumpang berlesen sepenuhnya
- Penyalahgunaan dadah
- Kegagalan yang tidak munasabah untuk mendapatkan atau mematuhi nasihat perubatan
- Aktiviti berbahaya
- AIDS atau kompleks berkaitan AIDS (ARC)
- Tinggal di luar Negara Mastautin Biasa melebihi 3 bulan berturut-turut
- Penyakit mental, bunuh diri, kecederaan yang dilakukan sendiri
- Sebarang perbuatan menyalahi undang-undang atau aktiviti haram
- Penyakit berjangkit yang memerlukan kuarantin di bawah undang-undang
- Kehamilan, bersalin
- Kemasukan ke hospital yang bertujuan utama untuk penyiasatan sahaja
- Perang dan risiko berkaitan perang
- Tindakan keganasan

Anda hendaklah merujuk kepada dokumen polisi untuk senarai penuh pengecualian.

Manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Risalah Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans (TIPS) PIDM atau hubungi MSIG Insurance (Malaysia) Bhd atau PIDM (layari [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)).

Jika anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan mengenai Insurans Cancer Care 365 anda, anda boleh:



Hubungi kami di:  
1-800-88-MSIG (6744) atau  
603-2050-8228



Kunjungi kami di:  
<https://www.msig.com.my/>



Emel kami di:  
[myMSIG@my.msig-asia.com](mailto:myMSIG@my.msig-asia.com)

### 3. Ketahui Tanggungjawab Anda

|                                                                           |                                           |
|---------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------|
| <b>Untuk Insurans Cancer Care 365, anda mesti membayar premium untuk:</b> |                                           |
| Premium (Pelan P100)                                                      | : <b>RM70.00</b> (setiap tahun)           |
| Tempoh: sehingga umur 30 tahun (kumpulan umur: 26 - 30, lelaki)           |                                           |
| <b>Anda juga perlu membayar yuran dan caj berikut:</b>                    |                                           |
| <sup>^</sup> Duti Setem                                                   | : <b>RM10.00</b>                          |
| Komisen (15%)                                                             | : <b>RM10.50</b> (Termasuk dalam premium) |
| Cukai Perkhidmatan (8%)                                                   | : <b>Tidak berkenaan</b>                  |
| Jumlah premium yang perlu dibayar                                         | : <b>RM80.00</b>                          |

<sup>^</sup> Pembayaran duti setem untuk premium tahunan tidak melebihi RM 150 dikecualikan sehingga 31/12/2028. Walau bagaimanapun, duti setem RM 10 perlu dibayar bermula 1/1/2029.

### 4. Terma Utama Lain

- Anda mesti memberikan maklumat yang lengkap dan tepat dalam borang permohonan/proposal.
- Anda mesti mendedahkan semua fakta penting seperti pekerjaan, aktiviti peribadi, dan sejarah perubatan anda.
- Kelayakan - Anda mesti seorang warganegara Malaysia, pemastautin tetap Malaysia, pemegang permit kerja, pemegang pas, atau secara sah bekerja atau menetap di Malaysia, berumur antara 15 hari hingga 59 tahun pada tarikh permohonan.
- Tunai sebelum perlindungan - Perlindungan bermula hanya selepas anda membayar premium.
- Tempoh bertenang - Kami akan memulangkan premium yang dibayar sekiranya anda membatalkan polisi dalam 15 hari pertama selepas menerima polisi dan belum membuat sebarang tuntutan.
- Umur pembaharuan - Polisi ini boleh diperbaharui sehingga umur 80 tahun.
- Premium dan terma pembaharuan boleh berubah bergantung kepada sejarah tuntutan anda dan keperluan pengunderaitan kami.
- Notis Tuntutan - Anda mesti memberitahu dan memberikan butiran tuntutan sepenuhnya kepada kami dalam 30 hari selepas mengalami sebarang kemalangan, kerugian atau kerosakan.

Senarai ini **tidak lengkap**. Anda hendaklah merujuk kepada dokumen polisi untuk senarai penuh terma dan syarat.

### 5. Bolehkah saya membatalkan polisi/sijil saya?

Ya, anda boleh membatalkan polisi/sijil anda pada bila-bila masa dengan memaklumkan kami secara bertulis. Kami akan membayar balik premium anda pada asas tempoh yang singkat bagi tempoh perlindungan yang belum tamat. Jika anda telah membuat tuntutan, tiada bayaran balik akan diberikan.

MSIG Insurance (Malaysia) Bhd ialah syarikat insurans am yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.